KERATAN AKHBAR

(UNIT KOMUNIKASI KORPORAT)

Surat khabar: Harian Metro ( Setempat )
Hari/Tarikh: 19/9/2013
Muka surat: 16

Tajuk : UNIMAS Manfaat Laman Sosial.

# UNIMAS manfaat laman sosial

**Kota Samarahan:** Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) komited untuk memanfaatkan laman sosial sebagai kaedah utama bagi pemerolehan maklumat dan interaksi dalam kalangan warganya dan masyarakat luar.

Naib Canselornya Prof Datuk Dr Mohamad Kadim Suaidi berkata, pihaknya melaksanakan dasar pintu terbuka bagi memudahkan interaksi kakitangan, terutama membabitkan sektor akademik.

Katanya, jumlah kemasukan ke UNIMAS kini berjumlah , 16,657 orang dan majoritinya terdiri Generasi-Y (Gen-Y) yang begitu terdedah dengan teknologi semasa serta mahu dikenali sebagai generasi agresif, lebih berpendidikan dan berbudaya maklumat.

"Generasi ini teras kecemerlangan UNIMAS dalam membentuk masa depan negara," katanya.